Nik Hasmadi bin Nik Hassan lwn Malayan Banking Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S-23–48 TAHUN 2010
ROSILAH YOP PK
18 APRIL 2013

Tort — Fitnah — Surat berunsur fitnah — Elemen-elemen membentuk tort fitnah — Sama ada perkataan-perkataan berunsur fitnah yang ditujukan kepada plaintif diterbitkan — Sama ada elemen-elemen membentuk tort fitnah dipenuhi — Sama ada pembelaan perlindungan bersyarat boleh dibangkitkan — Sama ada terdapat niat jahat

Dalam tuntutan ini, plaintif menuntut terhadap defendan bagi tort fitnah. Plaintif telah membuat permohonan pinjaman dengan Public Bank tetapi pinjaman tersebut tidak diluluskan kerana plaintif didakwa tidak membayar balik pinjamannya dengan defendan. Plaintif menafikan ada membuat sebarang pinjaman dan melaporkan perkara tersebut kepada defendan. Tanpa sebarang siasatan, defendan telah mendesak plaintif agar membayar balik pinjaman. Ejen-ejen defendan terus memburu plaintif, menghantar notis tuntutan dan mengugut untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap plaintif jika pinjaman tersebut tidak dibayar. Akibat daripada penyataan fitnah tersebut, plaintif menyatakan bahawa dia telah menanggung malu, hidup dalam ketakutan dan tekanan. Sebaliknya, defendan menegaskan bahawa ia mengeluarkan surat bertarikh 8 November 2008 ('surat tersebut') dengan suci hati dan peribadi atas dasar bank-pelanggan kepada plaintif tanpa menerbitkannya kepada pihak lain. Surat tersebut setakat menuntut hutang yang tertunggak tanpa mempunyai maksud memfitnah. Dalam pembelaannya, defendan mengemukakan pembelaan perlindungan bersyarat dan menegaskan bahawa perkataan-perkataan yang digunakan dalam surat tersebut diterbitkan dalam situasi perlindungan bersyarat dan dilindungi oleh undang-undang.

Diputuskan, membenarkan tuntutan dengan kos sebanyak RM15,000:

(1) Penyataan dalam surat tersebut dalam maksud biasa dan semulajadi membawa maksud bahawa plaintif adalah seorang yang tidak jujur; tidak boleh dipercayai dan juga tidak layak memegang sebarang jawatan; tidak mempunyai prinsip dan tidak beretika; sewenang-wenang menyalahgunakan kedudukan sama ada secara peribadi atau rasmi; tidak bertanggungjawab dan cuai; dan secara sengaja melanggar 'perjanjian' dengan defendan. Surat tersebut ditujukan atas nama plaintif dan penyataan-penyataan yang berunsur fitnah tersebut jelas merujuk kepada

plaintif. Kandungan surat berkenaan atau penyataan fitnah tersebut juga telah disiarkan kepada pihak ketiga (lihat perenggan 25 & 35).

(2) Pembelaan perlindungan bersyarat hanya terpakai dalam keadaan apabila wujudnya keadaan yang dilindungi. Plaintif bukanlah pelanggan defendan untuk kemudahan pinjaman perumahan. Dengan itu tidak wujud hubungan bank-pelanggan antara plaintif dan defendan. Tidak wujud kepentingan dan hubungan dua hala antara plaintif dan defendan. Penyataan-penyataan dalam surat tersebut tidak terjumlah di bawah perlindungan bersyarat (lihat perenggan 37 & 43).

(3) Pembelaan perlindungan bersyarat akan gagal sekiranya terdapat niat jahat di pihak defendan. Niat jahat dalam tindakan ini boleh dibuat inferens apabila defendan membuat penyataan-penyataan palsu sedangkan defendan tahu bahawa penyataan tersebut adalah tidak benar atau dibuat secara cuai. Plaintif dalam keterangannya yang tidak tercabar menyatakan bahawa dia telah beberapa kali memberitahu defendan bahawa dia tidak memohon untuk kemudahan pinjaman perumahan berkenaan tetapi defendan masih dengan niat jahat telah menerbitkan surat tersebut (lihat perenggan 46).

(4) Plaintif telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan. Award sebanyak RM50,000 adalah patut dan munasabah berserta faedah atas kadar 5% dari tarikh penghakiman sehingga selesai pembayaran. Kos sebanyak RM15,000 diberikan kepada plaintif (lihat perenggan 53–54).

[English summary

In the present claim, the plaintiff claimed against the defendant for the tort of defamation. The plaintiff had applied for a loan from Public Bank but the loan was not approved as it was alleged that the plaintiff had defaulted in his repayment to the defendant. The plaintiff denied having applied any loan and reported the same to the defendant. Without investigating the matter, the defendant insisted repayment of the loan by the plaintiff. The defendant's agents continuously tracked the plaintiff, sending notices of demand and threatening to take legal action against the plaintiff if the loan was not paid. As a result of the defaming statement, the plaintiff claimed that he was embarrassed and lived in fear and under pressure. However, the defendant averred that it issued a letter dated 8 November 2008 ('the said letter') out of good faith and personal capacity based on a bank-customer ground to the plaintiff without publishing the same to other parties. The said letter merely sought the repayment of the owing debt without having the intention of defaming. In its defence, the defendant brought forth the defence of qualified privilege and contended that the words used in the said letter was published in a qualified privilege situation and recognised by the law.

Held, allowing the claim with costs of RM15,000:

(1) The statement in the said letter, in its natural and ordinary meaning,

carried the intimation that the plaintiff was a dishonest individual; could not be trusted and was not worthy of bearing a post; of no principles and unethical; carelessly abused his personal and official position; irresponsible and negligent; and that he had intentionally breached the 'agreement' with the defendant. The letter was addressed under the plaintiff's name and the defaming statements were clearly directed to the plaintiff. The contents of the said letter or the defaming statement were also published to a third party (see paras 25 & 35).

(2) Qualified privilege is only applicable in circumstances where there exists a safeguarded circumstance. The plaintiff was not the defendant's customer for housing loan facilities. Therefore, there was no bank-customer relationship between the plaintiff and the defendant. There was no interest and two-way relationship between the plaintiff and the defendant. The statements in the said letter did not amount to qualified privilege (see paras 37 & 43).

(3) The defence of qualified privilege would fail if there was a bad intention on the defendant's part. A bad intention in this action could be inferred when the defendant made false statements when the defendant knew that the statements were untrue or were negligently made. The plaintiff in his unequivocal statement stated that he had repeatedly told the defendant that he did not apply the said housing loan facility but the defendant with mala fide had published the said letter (see para 46).

(4) The plaintiff had proven his claim against the defendant. An award of RM50,000 was reasonable in addition to costs of 5% from the judgment date until completion of the payment. Costs of RM15,000 was awarded to the plaintiff (see paras 53–54).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai surat berunsur fitnah, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 660–662.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor [1966] 2 MLJ 66, MP (dirujuk)

Adam v Ward [1917] AC 309, HL (dirujuk)

Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ 321 (Rep); [1989] 1 CLJ 152, MT (dirujuk)

Dato' Musa Hitam v SH Al Alattas & Ors [1991] 2 CLJ Rep 487, HC (dirujuk)

Dr Jenni Ibrahim v S Pakianathan [1980] 2 MLJ 154 (diikut)

MGG Pillai v Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun [1995] 2 MLJ 493; [1995] 2 CLJ 912, MR (diikut)

S Pakianathan v Jenni Ibrahim [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ Rep 233, MA (dirujuk)

Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Yaakub v Bre Sdn Bhd & Ors [1996] 1 MLJ 393, MT (diikut)

Mat Isa bin Che Dir (CM Isa & Co) bagi pihak plaintif.
Wan Azman bin Wan Ahmad (Roselizawati bt Mustapha bersamanya) (Lua & Mansor) bagi pihak defendan.

Rosilah Yop PK:

[1] Tuntutan plaintif terhadap defendan di dalam tindakan ini adalah mengenai dengan tort fitnah.

RINGKASAN KES PLAINTIF

[2] Ringkasan kes plaintif telah dikemukakan ke mahkamah dan ditandakan sebagai ikatan F seperti berikut.

[3] Plaintif adalah seorang individu dan bertugas sebagai pensyarah di Institut Kemahiran Mara sejak sepuluh tahun yang lalu.

[4] Defendan adalah sebuah syarikat perbankan berlesen dan mempunyai cawangan di No 3880-E, Jalan Mahmood, 15200 Kota Bharu, Kelantan.

[5] Antara tahun 2005, plaintif membuat permohonan pinjaman dengan Public Bank tetapi tidak diluluskan dengan alasan plaintif tidak membayar balik pinjaman dengan Maybank.

[6] Plaintif melaporkan kepada Maybank serta menafikannya. Namun pihak Maybank bertegas dan mendakwa plaintif membuat pinjaman tetapi berjanji untuk menyiasat perkara tersebut.

[7] Malangnya tiada maklumat hasil siasatan dimaklumkan kepada plaintif, malah defendan terus mendesak plaintif membayar balik.

[8] Sehingga hari ini defendan masih gagal membuktikan surat permohonan atau borang permohonan serta kad pengenalan plaintif untuk memohon pinjaman tersebut.

[9] Ejen-ejen defendan terus memburu plaintif, menghantar 'notis tuntutan' mendesak supaya membayar kepada defendan dengan ugutan untuk mengambil tindakan undang-undang jika tidak dibayar.

[10] Walaupun plaintif menerangkan kepada defendan ia tidak terlibat

dengan pinjaman tersebut, ejen-ejennya terus mengatakan 'kamu membuat pinjaman dan gagal membayar balik ansuran'.

[11] Antara jam 5.49 petang 13 Ogos 2008 ejen defendan dari cawangan Kota Bharu telah menelefon isteri plaintif di pejabat menyatakan plaintif tertunggak ansuran bulanan dan minta plaintif membayarnya.

[12] Pada setiap masa material plaintif tidak pernah menjadi pelanggan defendan. Pada setiap masa material plaintif tidak pernah menerima apa-apa faedah kewangan daripada defendan.

RINGKASAN KES DEFENDAN

[13] Manakala ringkasan kes defendan ditandakan sebagai ikatan G seperti berikut.

[14] Defendan adalah sebuah bank yang ditubuhkan di Malaysia.

[15] Plaintif adalah pemegang akaun No 453010395782 yang mana akaun tersebut telah pun ditutup kerana penyelesaian penuh telah dibuat pada 21 Januari 2010.

[16] Surat bertarikh 8 November 2008 adalah dikeluarkan oleh defendan secara suci hati kepada plaintif secara peribadi dan defendan tidak pernah mengeluarkan surat tersebut kepada pihak lain.

[17] Surat tersebut telah dikeluarkan secara suci hati dan dari segi maksud biasanya adalah merupakan fakta yang sebenar dan tidak dikeluarkan kepada pihak lain dan ianya adalah dikeluarkan atas dasar pelanggan dalam bentuk hubungan 'banker-customer' demi untuk menuntut hutang yang tertunggak.

[18] Perkataan yang digunakan dalam surat tersebut tidak mempunyai maksud memfitnah seperti mana dakwaan plaintif.

[19] Defendan atau wakilnya tidak pernah mengeluarkan penyataan yang didakwa sebagai memfitnah sebagaimana yang didakwa oleh plaintif kepada plaintif atau kepada isteri plaintif.

[20] Selanjutnya defendan menyatakan bahawa tuntutan plaintif tidak mendedahkan kausa tindakan terhadap defendan dan merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah atau menyusahkan dan wajar diketepikan.

PENILAIAN DAN PENDAPAT MAHKAMAH

[21] Di dalam kes *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ 321 (Rep); [1989] 1 CLJ 152, keputusan Mohamed Dzaiddin H (pada masa itu), dengan jelas menggariskan beban seseorang plaintif untuk membuktikan tuntutan libel di sisi undang-undang. Prinsip undang-undang yang diputuskan dalam kes tersebut dan plaintif perlu membuktikan adalah seperti berikut:

> In our law of libel, which is governed by the Defamation Act 1957, the burden of proof lies on the plaintiff to show:
>
> (i) the words are defamatory;
>
> (ii) the words refer to the plaintiff; and
>
> (iii) the words were published.

[22] Plaintif perlu membuktikan ketiga-tiga elemen di atas sebelum beliau dikatakan telah berjaya membuktikan tuntutannya terhadap defendan. Sekiranya plaintif gagal membuktikan salah satu elemen di atas terhadap defendan, maka tuntutan plaintif boleh ditolak dan defendan tidak perlu untuk kemukakan pembelaannya. Prinsip-prinsip ini telah dijelaskan di dalam kes *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ Rep 233 dan *Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor* [1966] 2 MLJ 66.

SAMA ADA PENYATAAN-PENYATAAN BERUNSUR FITNAH

[23] Penyataan-penyataan yang dikatakan berunsur fitnah diplidkan di dalam perenggan 4–5 di dalam penyata tuntutan plaintif. Penyataan di perenggan 4 ialah surat bertarikh 8 November 2008 dari defendan kepada plaintif. Manakala penyataan di perenggan 5 adalah 'Bahawa kamu telah mengambil pinjaman perumahan daripada Maybank dan kerap gagal membayar ansuran bulanan'. Kesan-kesan penyataan ini telah dikatakan telah merendahkan plaintif dalam pertimbangan masyarakat yang berfikiran wajar secara amnya.

[24] Dalam buku yang berautoriti *Gatley on Libel and Slander*, (9th Ed), penulisnya menyatakan seperti berikut:

> Any imputation which may tend to lower the Plaintiff in the estimation of right thinking members of society generally, to cut him off from society or to expose him to hatred, contempt or ridicule is defamatory of him.

[25] Mahkamah telah meneliti pada keseluruhan penyataan-penyataan dalam perenggan 4–5 di dalam penyata tuntutan dan mahkamah mendapati

penyataan di dalam perenggan 4 itu dalam maksud biasa dan semulajadi membawa maksud yang plaintif adalah seorang yang:

(a) tidak jujur sama ada secara peribadi atau rasmi;

(b) tidak boleh dipercayai dan juga tidak layak memegang sebarang jawatan;

(c) tidak mempunyai prinsip dan tidak beretika;

(d) sewenang-wenang menyalahgunakan kedudukan sama ada secara peribadi atau rasmi;

(e) tidak bertanggungjawab dan cuai; dan

(f) secara sengaja melanggar 'perjanjian' dengan defendan.

[26] Sementara itu bagi penyataan di perenggan 5 penyata tuntutan, saya dapati tidak dapat dibuktikan kerana pembuat pada penyataan tersebut tidak dipanggil untuk membuktikan sama ada penyataan itu benar dibuat oleh mereka atau tidak. Saya dapati penyataan-penyataan di perenggan 5 dalam penyata tuntutan plaintif ini adalah penyataan-penyataan dengar cakap.

[27] Mengikut plaintif beliau tidak pernah bila-bila masa memohon pinjaman dengan defendan di Cawangan Kota Bharu dan beliau tidak pernah membuat pinjaman perumahan dengan No Akaun 453010305782. Beliau juga tidak pernah menerima apa-apa faedah atau wang darinya. Fakta ini langsung tidak dapat dicabar oleh defendan. Plaintif tidak pernah membuat pinjaman perumahan dengan defendan dan tidak pernah mendapat faedah daripadanya. Plaintif, bukan pelanggan pada defendan untuk pinjaman perumahan yang dikatakan ini. Plaintif telah berulang-ulang kali memberitahu defendan tetapi tidak diendahkan, malahan surat dalam perenggan 4 penyata tuntutan dikeluarkan terhadap plaintif.

[28] Ujian sama ada penyataan-penyataan di dalam surat berkenaan berunsur fitnah atau sebaliknya adalah ujian dalam maksud biasa dan semulajadi merupakan ujian objektif. Dalam kes *Dato' Musa Hitam v SH Al Alattas & Ors* [1991] 2 CLJ Rep 487, diputuskan bahawa 'the test as to whether the words complained of were defamatory or not is whether, under the circumstances in which the writing was published, reasonable men to whom the publication was made would be likely to understand it is a libelous sense. The test is objective and the question is what do the words mean as words and not what the defendant in his own mind meant by them as intended to mean'.

[29] Setelah membaca keseluruhan surat bertarikh 8 November 2008 di dalam perenggan 4 penyata tuntutan, dalam konteks penyataan dibuat, kandungan surat tersebut adalah berunsur fitnah terhadap plaintif.

SAMA ADA PENYATAAN-PENYATAAN MERUJUK PADA PLAINTIF

[30] Di dalam menentukan isu ini saya perlu menilai pada keseluruhan dokumen ini, iaitu surat bertarikh 8 November 2008.

[31] Surat ini merupakan dokumen yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan dimasukkan dalam bahagian A di dalam ikatan dokumen bersama. Jadi keseluruhan kandungan surat ini diterima sebagai keterangan di dalam mahkamah.

[32] Diteliti pada surat berkenaan, ianya ditujukan pada plaintif atas nama plaintif. Adalah jelas bahawa penyataan-penyataan yang berunsur fitnah tersebut merujuk kepada plaintif.

SAMA ADA PENYATAAN-PENYATAAN TERSEBUT DITERBITKAN ATAU DISIARKAN

[33] Di dalam kes *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173; [1988] 1 CLJ Rep 233, Mahkamah Agong menyatakan:

> In order to constitute publication, the defamatory matter must be published to third party, and not simply to the plaintiff. By publication is meant the making known of the defamatory matter after it has been written, to same person other than the person of whom it is written.

[34] Untuk menyatakan terdapatnya penyiaran, penyataan fitnah berkenaan perlu disiarkan atau diterbitkan pada pihak ketiga.

[35] Daripada keterangan yang dikemukakan oleh SP1, SP2 telah membaca surat berkenaan. Keterangan ini tidak dapat dicabar oleh defendan. Saya dapati bahawa kandungan surat berkenaan atau penyataan fitnah tersebut telah disiarkan kepada pihak ketiga.

PEMBELAAN

[36] Di dalam pembelaan defendan, defendan cuma kemukakan pembelaan perlindungan bersyarat. Defendan menegaskan bahawa plaintif sebagai pelanggan defendan dalam hubungan 'banker-customer' demi untuk menuntut hutang yang tertunggak dan perkataan yang digunakan dalam surat tersebut diterbitkan dalam situasi perlindungan bersyarat dan dilindungi oleh undang-undang.

[37] Mahkamah berpendapat bahawa pembelaan perlindungan bersyarat

hanya terpakai di dalam keadaan bila wujudnya keadaan yang dilindungi, Lord Atkin di dalam kes *Adam v Ward* [1917] AC 309 pada ms 334 menyatakan:

> A privilege occasion is an occasion where the person who makes a communication has an interest or duty, legal, social or normal to make it to the person to whom it is made, and the person to whom it is so made has a corresponding interest or duty to receive it. The reciprocity is essential.

[38] Beban adalah di atas defendan untuk membuktikan fakta dan keadaan yang boleh menimbulkan keadaan yang dilindungi (*privilege occasion*).

[39] Dalam konteks ini saya bersetuju dan menerima pakai keputusan di dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Yaakub v Bre Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393 yang memutuskan bahawa:

> It is settled law that it is for the defendants to prove the facts and circumstances which establish the occasion as qualified privilege when the words complained of were published.

[40] Bagi mewujudkan sesuatu keadaaan yang dilindungi mesti terdapat hubungan dua hala (*reciprocity*) di antara orang yang membuat penyataan dengan orang yang ditujukan untuk menerima atau membaca penyataan tersebut — rujuk *Gatley on Libel and Slander* (8th Ed), perenggan 504.

[41] Orang yang membuat penyataan tersebut perlu mempunyai kepentingan atau tanggungjawab untuk mendedahkan penyataan tersebut kepada orang yang menerimanya dan orang yang menerimanya juga mempunyai kepentingan atau tanggungjawab untuk menerimanya.

[42] Sama ada terdapat kepentingan bersama di dalam tindakan ini.

[43] Telah dibuktikan bahawa plaintif bukanlah pelanggan pada defendan untuk kemudahan pinjaman perumahan dengan No Akaun 453010305782 dengan cawangan defendan di Kota Bharu, Kelantan. Dengan itu tidak wujud hubungan 'banker-customer' antara plaintif dan defendan seperti yang diplidkan di dalam pembelaan. Dengan itu tidak wujud kepentingan dan hubungan dua hala antara plaintif dan defendan.

[44] Di dalam kes *Dr Jenni Ibrahim v S Pakianathan* [1980] 2 MLJ 154 pihak defendan di dalam pembelaannya memplidkan pembelaan perlindungan bersyarat. Ajaib Singh H telah menolak pembelaan perlindungan bersyarat kerana 'no common and corresponding duty or interest between the defendant and the several persons who received and read the libelous statement'.

[45] Dengan itu saya dapati alasan-alasan di atas bahawa penyataan-penyataan di dalam surat bertarikh 8 November 2008 yang diplidkan pada perenggan 4 dan penyata tuntutan plaintif yang ditujukan kepada plaintif oleh defendan bukanlah terjatuh dalam perlindungan bersyarat.

NIAT JAHAT

[46] Pembelaan perlindungan bersyarat akan gagal sekiranya terdapat niat jahat dipihak defendan. Beban adalah atas plaintif untuk membuktikannya. Niat jahat di dalam tindakan ini boleh dibuat inferens bila defendan membuat penyataan-penyataan palsu bila defendan tahu bahawa penyataan tersebut adalah tidak benar atau dibuat secara cuai, tidak mempedulikan sama ada penyataan itu benar atau tidak. Plaintif di dalam keterangan beliau yang tidak tercabar menyatakan yang beliau telah memberitahu defendan beberapa kali bahawa beliau tidak memohon untuk kemudahan pinjaman perumahan berkenaan tetapi defendan masih dengan niat jahat telah menerbitkan surat bertarikh 8 November 2008 berkenaan.

[47] Oleh yang demikian, saya dapati bahawa plaintif telah berjaya membuktikan tuntutan beliau terhadap defendan.

GANTI RUGI

[48] Plaintif di dalam keterangan beliau menyatakan akibat daripada penyataan fitnah tersebut beliau telah menanggung malu, hidup dalam keadaan ketakutan dan tertekan.

[49] Saya mengambil panduan kes *MGG Pillai v Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun* [1995] 2 MLJ 493; [1995] 2 CLJ 912 di mana mahkamah, antara lain, menyatakan:

> Libel is a tort actionable perse, ie without proof of actual harm. The law presumes that when a man's reputation is assailed, some damage must result.
>
> …
>
> …
>
> In assessing damages, there is no basis for any judicial policy that is directed at awarding very low damages for defamation. Injury to a person's reputation may occasion him at least as much, if not greater, harm than to his or her physical self.

[50] Plaintif di dalam kes ini adalah seorang pensyarah di Institut Kemahiran MARA.

[51] Surat yang mengandungi penyataan fitnah itu, dibuktikan telah disiarkan pada pihak ketiga adalah kepada isteri beliau sahaja. Akibat dari ugutan-ugutan kerana fitnah yang plaintif ada membuat pinjaman dengan defendan itu telah memalukan plaintif dengan perkara yang beliau tidak lakukan. Ini akan menjatuhkan reputasi dan martabat plaintif di dalam masyarakat.

[52] Di samping itu, saya mengambil maklum bahawa walaupun tidak ada polisi kehakiman yang menetapkan jumlah ganti rugi untuk diawardkan di dalam kes-kes fitnah, maka award yang hendak diberikan perlu mengikut keadaan sesuatu kes itu.

KESIMPULAN

[53] Setelah menimbangkan segala fakta-fakta yang relevan juga prinsip undang-undang yang terpakai, saya memutuskan bahawa award sebanyak RM50,000 adalah patut dan munasabah di dalam kes ini.

[54] Saya juga membenarkan faedah atas kadar 5% setahun mulai hari ini sehingga selesai pembayaran. Kos sebanyak RM15,000 diberikan kepada plaintif.

Tuntutan dibenarkan dengan kos sebanyak RM15,000.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor